

Iktiraf idea kreatif

124 pelajar 18 institusi pengajian terima anugerah daripada Nippon Paint

>>Oleh Martini Mohd Nawi

1408@fotopost.com.my

A NUGERAH Peraka Muda Nippon Paint 2009 menyaksikan peraka dalam dan arkitek muda berbakat dari seluruh negara menerima pengiktirafan daripada Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd, baru-baru ini.

Anugerah berkenaan menerima idea projek inovatif dan moden 124 pelajar daripada 18 institusi pengajian tinggi di negara ini dengan kreativiti tersendiri.

Berternaman Mempelopori Reka Bentuk Dengan Trend Warna, anugerah itu merangkumi dua kategori iaitu reka bentuk dalaman dan seni bina.

"Usaha menghasilkan reka bentuk unggul menggunakan wama sesuai memang mencabar dan tahap profesional serta kreativiti peserta kali ini amat cemerlang.

"Bagi Nippon Paint, kami berbesar hati menyediakan wadah kepada pelajar menyebarkan bakat dan mendorong mereka menceburi atau menempa nama dalam bidang kerjaya peraka dalam pada masa depan," kata Penolong Pengurus Besar Pemasaran Nippon Paint (Malaysia) Sdn



BANGGA... Gladys (berdiri empat dari kanan) bersama sebahagian pemenang Anugerah Peraka Muda Nippon Paint 2009.

Bhd, Gladys Goh.

Kemahiran pelajar dinilai dari segi kebolehan menggabungkan aliran wama Nippon Paint 2009/2010 ke dalam reka bentuk penyertaan masing-masing.

Peserta diadili berdasarkan beberapa kriteria seperti inovasi wama, koordinasi wama, keaslian reka bentuk, nilai estetika, ciri mesra alam dan perancangan ruang. "Reka bentuk dalaman dan

seni bina bermutu tinggi yang diperlihatkan dalam projek dikemukakan memerlukan masa, kesabaran serta kerja keras.

"Penyelarasan dan penggunaan wama adalah

bertaraf tinggi selain reka bentuk dihasilkan menjadi bukti peserta sudah mencapai tahap kemahiran diperlukan dalam profesion mereka," katanya.

Tony Tan Yong dari Pratique Asia College diumumkan sebagai pemenang anugerah emas dalam kategori reka bentuk dalaman manakala Soo Wei Soon dari Institut Seni Lukis Malaysia memenangi anugerah perak.

Bagi kategori seni bina, anugerah emas dimenangi Ong Tien Yee dari Universiti kebangsaan Malaysia manakala Ahmad Faliq Mohd Saparudin dari Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak membawa pulang anugerah perak.

Empat pemenang utama itu turut diberi peluang membina kerjaya dengan firma reka bentuk dalaman atau arkitek terkemuka.

Pemenang anugerah emas menerima piawai khas, biasiswa RM3,000 dan komputer

Apple sementara pemenang anugerah perak menerima biasiswa RM2,000.

Pemenang sebutan kehormat dalam kategori reka bentuk dalaman dan seni bina pula menerima biasiswa RM1,000.

Anugerah Peraka Muda Nippon Paint yang dilancarkan pada 2008 adalah pertandingan tahunan terbuka kepada pelajar yang menuntut di bidang reka bentuk dalaman atau seni bina di negara ini serta mengikuti pengajian tahun akhir kursus diploma atau sekurang-kurangnya tahun ketiga program ijazah.

Ia disokong Persatuan Peraka Dalam Malaysia (MSID) dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM). Bersama MSID dan PAM, Nippon Paint Malaysia berusaha mencungkil serta mengasah bakat muda di kalangan pelajar reka bentuk dalaman dan seni bina.